



Untuk Terbitan Media

2 Ogos 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PEMBANGUNAN FIZIKAL PUSAT REHABILITASI NEURO-ROBOTIK DAN CYBERNICS KEBANGSAAN PERKESO CAPAI 63.05 PERATUS**

**IPOH** – Prestasi pembangunan fizikal Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO setakat 2 Ogos telah mencapai kemajuan 63.05 peratus.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, memaklumkan pembangunan 11 blok utama dengan fungsi berintegrasi dengan perkhidmatan Neuro-Robotik dan Cybernics, rawatan rehabilitasi konvensional dan perubatan tradisional kini telah memasuki fasa pembinaan pesat dengan tarikh jangkaan pembangunan siap sepenuhnya menjelang 1 Mei tahun 2025.

“Pusat Rehabilitasi ini dilengkapi teknologi robotik terkini, termasuk rawatan neuro-robotik dan Cybernics dari Jepun, malah kemudahan serta perkhidmatan akan tertumpu kepada rehabilitasi perubatan dan vokasional yang holistik, berdasarkan konsep rehabilitasi sepanjang hayat (*whole life-cycle rehabilitation concept*),” katanya.

Terdahulu, Steven Sim mengadakan lawatan kerja rasmi ke tapak pembinaan Pusat Rehabilitasi milik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terbesar di Asia Tenggara di Bandar Meru Raya, Ipoh bagi meninjau kemajuan kerja-kerja pembinaan dan perkembangan pembangunan projek tersebut.

Steven Sim turut menguar-uarkan peluang kepada orang ramai untuk mengisi 400 kekosongan jawatan bagi Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO dengan memohon jawatan yang diinginkan menerusi portal pekerjaan nasional MYFutureJobs (<https://myfuturejobs.gov.my/>) atau hadir ke Program Karnival Kerjaya MYFutureJobs X KESUMA Career Quest yang bakal berlangsung selama dua hari, mulai esok pada 3 dan 4 Ogos 2024 di Casuarina Convention Centre, di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh Perak.

## **Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**2 Ogos 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**